KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## ISNIN, 8 APRIL 2024

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

8/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **7 APRIL 2024 BERITA PAGI - KOC WANITA MRT LALUAN PUTRAJAYA BERMULA ESOK** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=lW7qtmk0zAM | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=QTaL6F3KAaY | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **LELAKI DIDAKWA LAKU AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK TEMAN WANITA DITAHAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1078217/lelaki-didakwa-laku-amang-seksual-terhadap-anak-teman-wanita-ditahan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/658702/berita/semasa/pengawal-keselamatan-ditahan-amang-seksual-kanak-kanak#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/07/pengawal-keselamatan-amang-seksual-anak-teman-wanita-ditahan/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/04/07/pengawal-keselamatan-lakukan-amang-seksual-ditahan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/polis-tahan-pengawal-keselamatan-laku-amang-seksual-kepada-anak-teman-wanita/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **GURU DITAHAN CABUL PELAJAR DI TANDAS AWAM** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1078244/guru-ditahan-cabul-pelajar-di-tandas-awam | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/07/disyaki-cabul-pelajar-di-tandas-guru-lelaki-dicekup/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/guru-ditahan-cabul-pelajar-di-tandas-awam/ | BULETINTV3.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2024/04/07/polis-tahan-guru-lelaki-siasat-kes-amang-seksual-pelajar-dalam-tandas/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

8/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **SUAMI ORANG DIDENDA RM2,000 MENGAKU MILIKI VIDEO LUCAH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1078158/suami-orang-didenda-rm2000-mengaku-miliki-video-lucah | HMETRO.COM.MY |

# Lelaki didakwa laku amang seksual terhadap anak teman wanita ditahan

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my




GAMBAR hiasan

Ampang Jaya: Pengawal keselamatan ditahan polis selepas didakwa melakukan amang seksual kepada anak perempuan teman wanitanya yang berusia lima tahun di Taman Melawati, di sini, hujung Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, ibu mangsa berusia 32 tahun dimaklumkan oleh anaknya bahawa lelaki itu melakukan amang seksual terhadapnya di sebuah hotel di Taman Melawati.

Menurutnya, suspek juga didakwa ada memukul di bahagian dada mangsa.

"Ibu mangsa yang mengetahui kejadian itu kemudian tampil membuat laporan polis.

"Susulan itu, pada jam 7.35 malam kelmarin, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya menahan suspek berusia 37 tahun yang bekerja sebagai pengawal keselamatan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohd Azam berkata, ujian air kencing yang dijalankan mendapati suspek positif dadah jenis AMP, Methamphetamine dan THC.

"Suspek direman seminggu bermula semalam hingga 12 April ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan seksual terhadap kanak-kanak 2017," katanya.

**Disiarkan pada: April 7, 2024 @ 4:29pm**

# Guru ditahan cabul pelajar di tandas awam

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my




GAMBAR Hiasan

Petaling Jaya: Perbuatan seorang guru lelaki melakukan amang seksual kepada pelajar perempuan di sebuah tandas awam di Kota Damansara, di sini, mengundang padah apabila ditahan polis kelmarin.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Jaafar@Ismail berkata, kejadian itu berlaku pada 22 Mac lalu di sebuah tandas awam di pusat beli-belah apabila suspek berusia 27 tahun melakukan perbuatan itu kepada mangsa berusia 14 tahun.

Menurutnya, mangsa yang trauma tampil membuat laporan polis kelmarin untuk tindakan selanjutnya.

"Susulan itu, polis menahan suspek di Balai Polis Kepong kelmarin dan direman lima hari bermula semalam hingga 10 April ini.

"Kes disiasat mengikut Sekyen 14(1)(a) Kesalahan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan Seksyen 377A Kanun Keseksaan," katanya kepada Harian Metro hari ini.

**Disiarkan pada: April 7, 2024 @ 5:43pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMBUAT BARANG KRAF TANGAN MENGAKU BERSALAH | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 8 APR 2024 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

DIDAKWA MILIKI VIDEO LUCAH

# Pembuat barang kraftangan mengaku bersalah

**Batu Pahat:** Pembuat barang kraftangan didenda RM2,000 selepas mengaku salah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan menyimpan video lucah dalam telefon bimbit miliknya, awal bulan ini.

Tertuduh, Muhammad Suffian Isnen ***(gambar)***, 26, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Majistret Suhaila Shafi'uddin.

Mengikut pertuduhan, dia yang sudah berkahwin didakwa memiliki tiga video lucah di aras dua, Menara Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) pada jam 2 petang, 1 April lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 292 (2) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Berdasarkan laporan dibuat, tertuduh ditahan polis selepas didakwa mengintai dalam tandas wanita di aras dua menara MPBP pada jam 12.50 tengah hari.

Kejadian itu disedari selepas pengadu melihat kelibat tertuduh dalam keadaan mencurigakan menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

Pada jam 1 tengah hari, pengadu bergerak ke lokasi itu sebelum mendapati tertuduh berada dalam tandas wanita.

Tertuduh kemudian ditahan polis untuk membantu siasatan namun pemeriksaan menemui tiga video lucah disimpan dalam telefon bimbitnya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Farah Wahida Mohd Sharip manakala tertuduh diwakili Mohd Razak Sharif.

Pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal terhadap tertuduh dengan mengambil kira kesalahan serius dilakukan serta pengajaran terhadap.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon denda paling minimum dikenakan terhadap anak guamnya kerana sudah insaf dan tidak akan mengulanginya.



Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM2,000 serta mengarahkan tertuduh dipenjara sebulan sekiranya gagal membayarnya.

# Suami orang didenda RM2,000 mengaku miliki video lucah

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



TERTUDUH (kiri) keluar dari Mahkamah Majistret atas pertuduhan memiliki video lucah. FOTO Alias Abd Rani

Batu Pahat: Pembuat barang kraftangan didenda RM2,000 selepas mengaku salah di Mahkamah Majistret di sini, hari ini, atas pertuduhan menyimpan video lucah dalam telefon bimbit miliknya, awal bulan ini.

Tertuduh, Muhammad Suffian Isnen, 26, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca jurubahasa di hadapan Majistret Suhaila Shafi'uddin.

Mengikut pertuduhan, dia yang sudah berkahwin didakwa memiliki tiga video lucah di aras dua, Menara Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), pada jam 2 petang, 1 April lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 292 (2) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Berdasarkan laporan dibuat, tertuduh ditahan polis selepas didakwa mengintai dalam tandas wanita di aras dua menara MPBP pada jam 12.50 tengah hari.

Kejadian itu disedari selepas pengadu melihat kelibat tertuduh dalam keadaan mencurigakan menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

Pada jam 1 tengah hari, pengadu bergerak ke lokasi itu sebelum mendapati tertuduh berada dalam tandas wanita.

Tertuduh kemudian ditahan polis untuk membantu siasatan namun pemeriksaan menemui tiga video lucah disimpan dalam telefon bimbitnya.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Farah Wahida Mohd Sharip manakala tertuduh diwakili Mohd Razak Sharif.

Pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal terhadap tertuduh dengan mengambil kira kesalahan serius dilakukan serta pengajaran terhadap.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon denda paling minimum dikenakan terhadap anak guamnya kerana sudah insaf dan tidak akan mengulanginya.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM2,000 serta mengarahkan tertuduh dipenjara sebulan sekiranya gagal membayarnya.

Disiarkan pada: April 7, 2024 @ 2:36pm